

09 FEB 2002

Koh-Pelaburan/I

MALAYSIA MASIH PUNYAI POTENSI BESAR UNTUK PEMBANGUNAN

PULAU PINANG, 9 Feb (Bernama) -- Malaysia, khasnya Pulau Pinang masih mempunyai potensi besar bagi pembangunan lanjut jika ia dapat mengkhusus dalam bidang-bidang tertentu dan bekerjasama dengan negara-negara lain di rantau.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata, dengan mengkhusus, negeri itu akan dapat mewujudkan kelebihan daya saing, mengenal pasti bidang-bidangnya -- bidang-bidang khusus yang ia boleh menyerlah, menumpukan kepada kekompetenan teras, menaikkan taraf teknologi dan kemahirannya untuk bersaing dengan lebih berkesan di pasaran dunia.

"Dengan berusaha bersama negara-negara lain khasnya negara-negara Asean, rantau ini akan mempunyai potensi besar jika kita dapat kekalkan kestabilan politik di semua negara Asean," kata beliau kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di sini, hari ini, selepas pulang dari Amerika Syarikat.

Koh berkata beliau yakin dengan hakikat itu hasil maklumat balas semasa penyertaannya bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Forum Ekonomi Dunia dan Sidang Kemuncak Pelaburan Malaysia, di New York baru-baru ini.

Koh telah melawat beberapa syarikat dan mengadakan perbincangan bersama beberapa daripada ketua pegawai eksekutif mereka serta pasukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang turut meyakinkan beliau bahawa Malaysia khasnya Pulau Pinang masih mempunyai potensi besar bagi pembangunan lanjut.

Beliau berkata, selain daripada bekerjasama dengan China, Malaysia juga perlu bekerjasama dengan negara-negara Asean dengan penduduk Asean adalah dua kali ganda penduduk Amerika, menunjukkan ia pasaran lebih besar dan berpotensi berbanding Amerika Syarikat.

"Saya juga menekankan kepada pelabur-pelabur berpotensi akan kelebihan Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang bahasa dan berbilang budaya," kata beliau lagi.

Beliau berkata bagi hubungan budaya dan agama, Malaysia mempunyai banyak persamaan dengan bilangan besar penduduk dunia termasuk China dengan 1.2 bilion penduduk, negara-negara Islam (penduduk berjumlah 1 bilion) India (1 bilion orang) dan Asia Tenggara (500 juta).

"Kita dapat berkomunikasi dengan 72 peratus daripada populasi dunia yang merupakan kelebihan besar bagi Malaysia jika kita dapat mempertingkatkan teknologi dan kemahiran seiring dengan pembangunan."

Dengan keupayaan linguistik kita, hubungan budaya dan agama, Malaysia akan memainkan peranan besar sebagai sebuah negara perdagangan," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

SA PR